



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39 ( 28 )

Tarikh: 20 April 2012

Ketua Pengarang,

Sinar Harian

**Akhbar** : **Sinar Harian**  
**Tarikh** : **16 April 2012**  
**Subjek** : **Pemaju Tak Tunai Janji**

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara (JPN) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa projek perumahan Taman Desa Kempas yang dimajukan oleh syarikat Maju Delima Sdn Bhd merupakan sebuah projek dipantau Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan dikategorikan sebagai sebuah projek sakit kerana telah melepasi tarikh siap yang sepatutnya iaitu pada 16 Disember 2003 bagi pangsapuri kos sederhana rendah dan 29 Mac 2004 bagi pangsapuri kos rendah.

Berdasarkan lawatan tapak yang telah diadakan pada 29 Mac 2012, didapati kerja-kerja pembinaan masih dijalankan di tapak projek tetapi kemajuan kerja yang ditunjukkan adalah amat perlahan. Pihak pemaju juga telah gagal menyiapkan pangsapuri kos sederhana rendah pada 31 Mac 2012 berdasarkan tempoh tiga bulan yang telah diberikan dan dipersetujui dalam mesyuarat antara pihak JPN, wakil Unit Perancang Ekonomi Johor (UPEN), wakil Bahagian Perumahan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, pihak pemaju serta wakil pembeli pada 23 Disember 2011 di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Sehubungan dengan itu, pihak UPEN telah mengadakan satu lawatan tapak pada 16 April 2012 dan meminta pihak MBJB menyediakan satu laporan untuk dibentangkan kepada Kerajaan Negeri sebelum keputusan dibuat sama ada melantik pemaju baru sebagai pemaju penyelamat atau mengesyorkan projek sebagai sebuah projek terbengkalai memandangkan projek tersebut merupakan sebuah projek penswastaaan antara pihak pemaju dan Kerajaan Negeri Johor.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)